



## 'Saya lebih suka belajar di kelas'

**PASIR SALAK:** "Capaian internet di kawasan ini tak stabil, lemah dan kerap terganggu, saya lebih suka belajar di kelas."

Demikian keluhan pelajar Orang Asli di Kampung Baharu Pahlawan, Langkap dekat sini, **Nadia Alicia Natasha Zainal**, 14, ketika menceritakan sesi pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR).

Pelajar tingkatan dua Sekolah Menengah Dato' Sagor, Langkap itu berkata, capaian internet di kampungnya tidak stabil kerana kedudukan yang jauh di pedalaman.

Katanya, ini menyebabkan sesi PdPR kadangkala terganggu.

"Saya kena cari tempat tertentu kalau nak dapatkan capaian internet baik, kadangkala kena ke hutan, kebun sawit atau kebun getah baru jumpa capaian internet penuh," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Keadaan itu menyukarkan dia untuk belajar dan antaranya menjadi faktor kepada tumpuannya dalam pelajaran terjejas.

"Saya lebih suka belajar di se-



**NADIA Alicia Natasha Zainal** ditemani ibunya, **Bayzura Bah Tom** ketika pelajar itu mengikuti sesi PdPR di rumahnya di Kampung Baharu Pahlawan, Langkap dekat Pasir Salak, Perak, semalam. - **UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN**

kolah kerana lebih fokus dan lebih faham pelajaran diajar cikgu," katanya.

Sementara itu, ibu kepada pelajar berkenaan, **Bayzura Bah Tom** berkata, dia memahami

masalah anaknya tetapi merelatiada pilihan selain terus mengikuti PdPR.